

Headline	Dasar jadi panduan perkukuh pengurusan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	2	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,821
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,463



Dasar jadi panduan perkukuh pengurusan

Kuala Lumpur: Dasar Perhutanan Malaysia akan menjadi rujukan dan panduan kepada dasar perhutanan negeri di Semenanjung, Sabah serta Sarawak.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata dasar yang diterima semua negeri pada Majlis Tanah Negara Ke-78 pada 29 Januari lalu itu untuk menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

Beliau berkata, penggubalan dasar berkenaan dilakukan me-

lalui proses rundingan antara tiga wilayah, iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak 2016.

"Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah, iaitu Dasar Hutan Sabah, Dasar Hutan Sarawak dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia yang memberi tumpuan pengukuhan pengurusan hutan secara berkekalan, menjadi sebahagian daripada Dasar Perhutanan Malaysia.

"Dasar ini adalah manifestasi komitmen negara dalam melaksanakan pengurusan hutan secara berkekalan yang menjadi

agenda utama dalam negara dan prinsip dipegang pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluan pada Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2021 Peringkat Kebangsaan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, semalam.

Shamsul Anuar berkata, walaupun negara masih berdepan cabaran wabak COVID-19, segala perancangan disusun kementerian tetap diteruskan.

Katanya, antara pencapaian boleh dibanggakan ialah pelancaran Agenda Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan penanaman 18.75 juta pokok di seluruh negara tahun lalu.

Selain itu, pencalonan Bukit Bendera di Pulau Pinang sebagai tapak rizab biosfera bawah Program Man and the Biosphere (MAB), Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO); pencalonan Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai Taman Warisan ASEAN

keempat di Malaysia; penghantaran pulang sembilan orang utan ke Indonesia serta penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) untuk negeri bagi tempoh 2021 hingga 2025.

"Tumpuan khusus akan diberikan kepada Agenda Nasional Penghijauan Malaysia bagi mempertingkatkan pemuliharaan hutan menerusi aktiviti penanaman pokok, rehabilitasi dan restorasi kawasan hutan terosot dengan kerjasama kerajaan negeri bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)," katanya.